

Mengapa Anda Tidak Dapat Memperolehi Pekerjaan?



Dr. Ali Qassem

www.aliqassem.com

Merujuk kepada 'Star Newspaper', bertarikh 14 Ogos 2009 bersamaan dengan Jumaat, dan menurut Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Mahathir, kadar pengangguran meningkat kepada 4.5% pada akhir tahun 2009 berbanding dengan 3.7% tahun 2008. Malaysia mempunyai 11 juta penduduk yang bekerja; itu bermakna lebih dari setengah juta orang yang menganggur.

Menurut laman Kementerian Sumber Manusia, terdapat 69,760 graduan Malaysia telah mendaftarkan diri dengan jobsMalaysia, angka tersebut tidak memberikan jumlah sebenar graduan yang menganggur, kemungkinan lebih atau kurang dari jumlah dalam jobsMalaysia. Terdapat banyak rencana dan pandangan Dalam

internet terhadap isu ini. Ada yang menyalahkan krisis ekonomi, namun saya tidak bersetuju dengan pandangan tersebut. Krisis ekonomi telah mempengaruhi kadar pengangguran, tetapi ia tidak berkaitan dengan mengupah anda. Akhbar penuh dengan pelbagai tawaran kerja, syarikat-syarikat masih lagi ingin mengupah pekerja tetapi bukan anda.

Dalam rencana ini, saya tidak akan menekankan tentang faktor yang menyumbang kepada isu ini, yang mana telah dibincangkan ramai; ekonomi, sistem pendidikan dan kualiti, serta globalisasi. Saya akan memberi laluan kepada pakar dalam bidang ini dan kerajaan yang berikhtiar dan memberikan sumbangan bagi menyelesaikan isu ini melalui idea, program latihan dan peluang pekerjaan kepada yang menganggur.

Saya akan fokuskan kepada faktor yang anda boleh mengubah dan menyumbang kepada penyelesaian isu ini seterusnya anda mendapat pekerjaan yang anda ingini. Saya tidak menyalahkan anda sepenuhnya. Terdapat banyak faktor yang telah menyumbang dalam pembentukan keperibadian anda, pengetahuan, keterampilan, dan sikap sejak anda lahir sehingga ke tahap ini. Namun anda mampu mengubah penyebab-penyebab ini. Marilah kita membincang tentang faktor yang anda boleh mengubah.

(Kenalpasti kemahiran diri)

Pertama, jika anda berfikir anda adalah graduan dari kolej atau universiti dan anda pasti akan mendapat pekerjaan, anda adalah salah. Pemikiran sebegini tidak lagi sesuai untuk kehidupan realiti ini; dunia telah berubah and adalah satu

kenyataan bahawa ianya akan terus berubah tanpa jangkauan. Apa yang sebenarnya untuk mendapatkan pekerjaan pada masa kini bukanlah hanya memerlukan kelayakan dan resume yang baik. Kelayakan-kelayakan, resume yang baik, pengalaman yang bertahun-tahun akan membolehkan anda dipanggil temuduga, tetapi tidak menjamin anda boleh mendapat pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan anda.

Pada hari ini, untuk mendapatkan pekerjaan memerlukan kemahiran yang berbeza. Kemahiran-kemahiran ini termasuklah kemahiran interpersonal, kebiasaan individu, komunikasi berkesan, kreativiti, pemikiran analitikal, diplomasi, fleksibiliti, mengikuti perubahan, penyelesaian masalah, kepimpinan, penglibatan dan kebolehan membina hubungan dengan personal-personal yang berbeza. Orang-orang yang mempunyai kualiti yang disebutkan adalah yang dicari oleh mana-mana organisasi. Organisasi-organisasi akan sanggup mengubah, menyediakan kemudahan dan memberikan pembayaran yang lumayan.

Stanford Research Institute, Harvard University, dan Carnegie Foundation telah membelanjakan satu juta wang dan lima tahun dalam kajian telah membuktikan 85% alasan yang membolehkan seseorang mendapat pekerjaan, meningkat dalam pekerjaan adalah berkaitan dengan kemahiran-kemahiran yang telah disebutkan serta pengetahuan.

Kemahiran lain yang diperlukan adalah kemampuan berbahasa Inggeris. Bahasa Inggeris menjadi semakin

penting pada masa kini. Kebanyak organisasi kini memerlukan kemampuan berbahasa Inggeris sebagai syarat utama memandangkan bahasa ini digunakan secara global dalam komunikasi, dokumen dan penulisan.

Yang kedua, anda perlu faham bahawa tenaga manusia semakin kurang diperlukan. Kita hidup dalam abad ke-21. Abad ini penuh dengan rekaan teknologi, mesin, komputer dan elektronik yang banyak berbeza dengan zaman dulu.

Perisian komputer – contohnya – boleh melaksanakan kerja sepuluh orang akauntan dalam masa yang singkat. Mesin ATM yang boleh menjalankan pelbagai transaksi dan mesin menjawab automatik menggantikan tugas operator telefon. Dalam perkataan yang lain, dalam masa akan datang, anda berkemungkinan akan digantikan dengan mikropemproses yang berharga RM1000 kecuali anda adalah orang yang betul-betul berkemampuan tinggi.

(Jangan cerewet dan pemilih)

Salah seorang kawan saya, pemilik Samudra Bermata Biru Sdn. Bhd memberitahu saya bahawa dia telah mengiklankan jawatan kosong sebagai pereka grafik dengan gaji RM1500 dalam akhbar tempatan selama 3 minggu, tetapi tidak ada seorang pun yang menjawab jawatan itu.

Ramai graduan pereka grafik dan teknologi maklumat masih merungut tidak mendapat pekerjaan. Saya hairan mengapa orang-orang ini tidak menerima jawatan itu. Adakah kerana mereka tidak terbaca jawatan kosong itu? Anda tidak mempunyai pekerjaan

dan anda sepatutnya mencari satu pekerjaan. Adakah kerana tempat kerja adalah di Donggongon dan anda tinggal di Likas; terlalu jauh ? Adakah kerana pekerja itu tidak berstatus tinggi ? Saya percaya majoritinya inginkan status tinggi. Tetapi itu bukan atas kemahuan, tetapi atas kelayakan.

Adakah kerana bayaran wang ringgit tidak seperti yang anda inginkan ? Adakah anda fikir bahawa makan nasi kosong lebih baik dari kelaparan ?

Sampai bilakah anda akan terus meminta dari ibu bapa menambah kredit telefon bimbit anda atau memberikan wang bagi melepak dengan kawan-kawan anda ? Sehingga bilakah anda mahu ibu bapa anda, yang telah menjalankan kewajipan mereka terhadap anda terus bertanggungjawab dan menyokong anda ?

Mengapa anda tidak menerima pekerjaan yang berkaitan dengan kelayakan serta minat anda dan mula bekerja walaupun dengan gaji yang rendah supaya boleh belajar dan mendapat pengalaman. Adakah anda berfikir lebih baik bergantung dengan ibu bapa ?

Anda perlu mula membuat satu perubahan dan menyumbang untuk menyelesaikan masalah anda, dan anda sepatutnya sudah mengorak langkah.

Saya akan akhiri rencana saya dengan berkongsi nasihat Bill Gates.

1. Hidup ini tidak adil – biasakan diri!
2. Dunia tidak akan mempedulikan harga diri anda. Dunia akan mengharap anda untuk

menyelesaikan sesuatu SEBELUM anda merasa puas tentang diri sendiri.

3. Anda TIDAK akan menghasilkan \$60.000 setahun selepas sahaja keluar daripada sekolah. Anda tidak akan menjadi naib presiden dengan telefon kereta sehingga anda mendapatkan kedua-duanya.

4. Jika anda berfikir guru anda tegas, tunggu sehingga anda mendapat seorang majikan.

5. Menterbalikkan burger tidaklah sesuai dengan kedudukan anda. Datuk moyang mempunyai satu perkataan lain untuk menterbalikkan burger: mereka menyebutnya sebagai peluang.

6. Jika anda gagal, itu bukan kesilapan ibu bapa anda, jangan merungut tentang kesilpan anda, belajar dari kesilapan.

7. Sebelum anda dilahirkan, ibu bapa anda tidaklah sebosan seperti sekarang. Mereka menjadi begitu kerana daripada membayar bil anda, membersihkan pakaian, dan mendengar anda bercerita tentang kemegahan diri anda. Sebelum anda membersihkan bilik orang tua anda, cubalah bersihkan bilik sendiri dahulu.

8. Sekolah anda mungkin telah melahirkan pemenang dan yang gagal, tapi hidup TIDAK. Di beberapa sekolah, mereka telah menghapuskan nilai-nilai gagal dan mereka akan memberikan SEBERAPA BANYAK KALI yang anda inginkan untuk mendapatkan jawapan yang tepat.

9. Hidup ini tidak dibahagikan kepada semester. Anda tidak mempunyai masa yang banyak dan hanya beberapa majikan akan berminat untuk menolong anda mencari diri anda yang sebenar. Lakukannya dalam masa anda sendiri.

10. Televisyen bukanlah kehidupan realiti. Dalam kehidupan realiti, manusia sebenarnya perlu beredar dari kedai kopi dan pergi bekerja.